

Pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam di Organisasi Berteraskan Islam di Malaysia

Nur Nasliza Arina, M.N. (Corresponding author)

Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Penang, Malaysia

Tel: +6016-4225354 E-mail: nasliza.usm@gmail.com

Jamilah, A.

Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Penang, Malaysia

Tel: +604-6533320 E-mail: jahmad@usm.my

Abstrak

Pengamal perhubungan awam merupakan perantara atau mediator di antara organisasi dengan publik. Dengan itu etika merupakan di antara elemen terpenting untuk dititikberatkan oleh pengamal perhubungan awam dalam menjalankan tugasnya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaplikasian Etika Kerja Islam (EKI) oleh pengamal perhubungan awam serta bagaimanakah EKI boleh membantu dan mempengaruhi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas secara beretika. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui temu bual mendalam secara bersemuka beserta penelitian dokumen untuk tujuan triangulasi. Bagi temu bual mendalam secara bersemuka, responden yang terlibat merupakan 10 orang pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam di Malaysia. Manakala, penelitian dokumen pula melibatkan penelitian ke atas laman web rasmi organisasi serta laporan tahunan dan buletin bulanan organisasi yang bertujuan mengesahkan dapatan kajian yang diperolehi melalui temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati, pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam adalah bertepatan dengan konsep dan idea EKI yang dibincangkan oleh para tokoh dan sarjana terkemuka EKI. Hasil kajian juga mendapati, EKI memberikan pengaruh positif dalam amalan perhubungan awam dari sudut profesionalisma, motivasi diri, kualiti kerja serta integriti diri pengamal perhubungan awam itu sendiri.

Katakunci: Pengamal Perhubungan Awam; Amalan Perhubungan Awam; Etika Kerja Islam; Pengaruh Etika Kerja Islam; Organisasi Berteraskan Islam

Abstract

Public relation practitioners are the conciliators or mediators between organisations and the public. Therefore, ethics is one of the most important elements to be considered by public relation practitioners in performing their tasks. The purpose of this research is to study the application of Islamic Work Ethics (IWE) by public relation practitioners and how IWE can assist and influence public relation practitioners in carrying out their duties ethically. This research uses qualitative research method through face-to-face in-depth interview including document analysis for triangulation purposes. For face-to-face in-depth interview, the respondents are 10 public relation practitioners who are working in selected Islamic-based organisations in Malaysia. Meanwhile, document analysis involves analysis on organisations' official website, annual report and organisations' monthly bulletins to verify the information obtained from the in-depth interview. The findings show that the application of IWE by public relation practitioners is aligned with the concepts and ideas of IWE which are discussed by figures and well-known scholars of IWE. The findings also discovered that IWE provides positive influence in public relation practices in the aspect of professionalism, self-motivation,

quality of work and self-integrity of the public relation practitioners.

Keywords: Public Relation Practitioners; Public Relation Practices; Islamic Work Ethics; Islamic Work Ethics Influence; Islamic-based Organisations

Pengenalan

Pengamal perhubungan awam tidak terlepas daripada dibelenggu dengan isu etika kerja. Sebagai individu yang terlibat secara langsung dan sepenuhnya dalam profesion perhubungan awam, pengamal perhubungan awam sering dikaitkan dengan pelbagai perilaku tidak beretika semasa menjalankan tugas seperti propaganda, perang jiwa, melobi dan sebagainya (Mohd Hamdan, 2010). Menurut sarjana perhubungan awam terkemuka barat, James E. Grunig, kebanyakan orang berfikir bahawa, profesion perhubungan awam mungkin boleh dianggap sebagai tidak beretika. Walau bagaimanapun, ahli-ahli teori perhubungan awam menganggap bahawa perhubungan awam adalah mengenai etika, tanggungjawab sosial serta kelestarian (Grunig, 2014). Menurut Jaffri Amin (2014), pengamal perhubungan awam adalah cerminan kepada organisasi yang diwakilinya, dan kerana itu adalah amat penting untuk pengamal perhubungan awam membawa imej diri yang baik, bersopan santun apabila berbicara dan berurusan dengan sesiapa sahaja dengan penuh keyakinan. Dalam erti kata yang lain, pengamal perhubungan awam perlu sentiasa menjaga etika kerja di setiap urusan yang dilakukan bagi menjaga bukan sahaja nama baik diri sendiri malah nama baik dan imej organisasi. Mohd Hamdan (2010) menegaskan, sesebuah negara boleh musnah seandainya kepakaran perhubungan awam disalahgunakan oleh pengamal perhubungan awam yang tidak bertanggungjawab.

Amalan dan Etika Pengamal Perhubungan Awam

Menurut Adi Satria (2014), pengamal perhubungan awam adalah tenaga penyampai maklumat yang paling berkuasa di dunia. Mereka juga adalah cerminan kepada organisasi dan justeru itu amatlah penting untuk mereka membawa imej diri yang positif dan beretika semasa menjalankan tugas (Jaffri Amin, 2014). Amalan korporat yang tidak beretika telah memberikan kesan buruk kepada persepsi masyarakat terhadap organisasi yang akhirnya membawa kepada situasi-situasi kritikal seperti kerugian pendapatan, organisasi menjadi muffis dan tahap kecekapan pekerja menjadi rendah (Muhammad Yousuf et al., 2012). Menurut Grunig (2014), pengamal perhubungan awam berhadapan dengan situasi untuk membuat beberapa keputusan melibatkan etika peribadi semasa menjalankan tugas mereka. Sebagai contoh, mereka mungkin akan terdorong untuk mengambil dan menerima hadiah atau mungkin terdorong untuk menerima atau menawarkan rasuah. Selain itu, mereka mungkin akan terlibat dengan perilaku yang melanggar etika seperti mendedahkan maklumat sulit kepada pesaing, menyembunyikan kesalahan yang dilakukan, berbohong dan banyak lagi. Dalam menyelesaikan masalah ini, peraturan-peraturan etika boleh membantu pengamal perhubungan awam untuk menjalankan tugas mereka secara beretika (Grunig, 2014).

Profesion perhubungan awam tidak mempunyai kod etika khusus yang wajib diikuti oleh setiap pengamal perhubungan awam kerana mereka bebas untuk mengikuti mana-mana kod etika yang dirasakan bersesuaian asalkan menjadikan mereka beretika semasa menjalankan tugas. Namun, pertubuhan-pertubuhan perhubungan awam professional peringkat antarabangsa telah mewujudkan kod etika tertentu dalam usaha untuk mengawal tingkah laku setiap ahlinya (Harrison dan Galloway, 2005). Menurut Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) (2014), kod etika perhubungan awam IPRM adalah berasaskan kepada kod etika Persatuan

Perhubungan Raya Antarabangsa (IPRA) yang dipanggil 'Code of Athens'. Kod etika tingkah laku IPRM mengandungi 14 fasal dengan empat fasal menggariskan apa yang sewajarnya dilakukan oleh ahli, dan 10 fasal lagi merupakan panduan larangan tindakan untuk dilakukan oleh ahli. Menurut McKinnon dan Fullerton (2014), dalam persekitaran tempat kerja, pengamal perhubungan awam boleh dipengaruhi oleh rakan sekerja, penyelia dan pihak yang berkuasa untuk melakukan keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan etika. Moss dan DeSanto (2011) pula menyatakan, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, institut perhubungan awam yang bertauliah telah mengambil pelbagai langkah dalam menekankan kepentingan etika dalam profesion perhubungan awam. Di antara isu-isu etika yang dilindungi oleh kod semasa adalah seperti integriti dan kerahsiaan.

Dengan melihat kepada kepentingan dan keperluan bagi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas secara beretika, EKI dilihat berupaya membimbing dan membantu pengamal perhubungan awam untuk tujuan tersebut. Hal ini kerana, EKI merangkumi set kepercayaan moral yang dapat membantu pekerja untuk menguruskan tanggungjawab dan melaksanakan tugasnya dengan kebolehan terbaik yang ada padanya mengikut cara yang bersesuaian berlandaskan kepada kepercayaan dan nilai-nilai Islam (Wahibur, 2010).

Etika Kerja Islam (EKI)

Perkataan etika juga mempunyai makna tersendiri dalam Islam dan boleh dirujuk sebagai akhlak. Miskawayh (2014) dan Al-Ghazali (1997) menyatakan, akhlak sebagai satu entiti yang berada dalam diri seseorang manusia yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa perlu berfikir dan biasanya berlaku secara spontan. Menurut Shukri dan Musa Yusuf (2012), EKI boleh ditakrifkan sebagai satu set nilai atau sistem kepercayaan yang berasal daripada al-Quran dan Sunnah mengenai kerja dan bekerja keras. Konsep EKI juga adalah melebihi konsep

etika daripada perspektif sarjana barat kerana ia meliputi pelbagai dimensi yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan manusia seperti sosial, politik dan ekonomi.

Konsep EKI yang bersumberkan syariah melihat bekerja itu sebagai satu ibadah. Setiap kerja baik yang dilakukan bukan sahaja akan dianggap sebagai satu ibadah malah ia juga akan diberikan ganjaran pahala. Dari segi bentuk pelaksanaannya pula, ia adalah berdasarkan apa yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta perbuatan yang dipaparkan oleh Rasulullah SAW (Muhammad Mustakim et al., 2014; Sari dan Icut, 2008). Banyak ayat-ayat al-Quran telah menyatakan tentang isu-isu berkenaan etika di tempat kerja. Maka, ia secara tidak langsung merupakan petunjuk yang penting khususnya bagi pekerja yang beragama Islam dalam melaksanakan tugas mereka di tempat kerja. Menurut Azharsyah dan Nor 'Azzah (2013), terdapat 16 nilai EKI yang penting seperti termaktub melalui Firman Allah di dalam al-Quran menerusi surah-surah tertentu. 16 nilai EKI tersebut adalah kebenaran, amanah, pemurah, menepati masa, mengotakan janji, perundingan, harga diri, kerjasama dan usahasama, sabar, kejujuran, keramahan, berdikari, merendah diri, kesaksamaan dan keadilan, profesionalisma dan ketelusan. Menurut Miskawayh (2014), terdapat empat nilai utama yang membawa kepada kesempurnaan etika/akhlak seseorang individu, iaitu kebijaksanaan, keberanian, kesucian diri serta keadilan (Zainal, 2014; Nur Hamim, 2014).

Dari segi faktor pengaplikasian EKI, kajian yang dijalankan oleh Muhammad Mustakim et al. (2014) memperlihatkan, terdapat enam faktor yang boleh mempengaruhi kelancaran pengaplikasian EKI di peringkat organisasi. Enam faktor tersebut adalah persekitaran kerja, ganjaran dan kebajikan pekerja, pemantauan terhadap disiplin warga kerja, ketelusan, amalan agama serta komunikasi. Manakala, Miskawayh pula berpendapat, pada peringkat individu, terdapat enam faktor yang boleh mempengaruhi seseorang individu untuk beretika selayaknya

dan faktor-faktor tersebut adalah pegangan agama yang mantap, kemahuan diri sendiri, mengetahui hakikat jiwa, menjalani hidup bermasyarakat, bersahabat dengan orang yang baik serta mengambil berat akan rawatan rohani (Siti Norlina et al., 2004).

Dari segi strategi pengaplikasian EKI pula, pada peringkat organisasi, terdapat tiga strategi perlaksanaan yang harus diberi perhatian iaitu komunikasi, penglibatan pihak pengurusan dan menyediakan garis panduan dan sistem penilaian (Rosli, 2001; Ali, 2005). Manakala, pada peringkat individu, Miskawayh menyatakan, terdapat dua strategi yang boleh digunakan dalam membentuk akhlak dan peribadi diri agar menjadi individu yang beretika murni iaitu usaha berterusan diri sendiri serta pembelajaran daripada persekitaran (Miskawayh, 2014; Siti Norlina et al., 2004). Pengkaji-pengkaji terdahulu yang banyak menjalankan kajian mengenai EKI menjelaskan, EKI dapat membantu dalam membezakan apa yang betul dan apa yang salah serta menekankan kepada pengaplikasian semua tingkah laku baik yang boleh membantu organisasi dan tenaga kerja untuk berjaya dan mengekalkannya di masa depan. EKI juga melarang daripada melakukan semua perbuatan buruk yang boleh merosakkan organisasi dan individu. Selain itu, individu yang mengamalkan EKI juga akan lebih berkomitmen terhadap organisasi yang diwakilinya (Rizk, 2008; Ali, 1992; Bashir, 1998; Kumar & Raduan, 2010; Yousef, 2000).

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui temu bual mendalam secara bersemuka beserta penelitian dokumen untuk tujuan triangulasi. Bagi temu bual mendalam secara bersemuka, responden yang terlibat merupakan 10 orang pengamal perhubungan awam yang bertugas di 10 organisasi berteraskan Islam di Malaysia iaitu di (1) Institut Kefahaman Islam Malaysia; (2) Al-Hijrah Media Corporation; (3) Hospital Pusrawi; (4) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; (5) Telaga Biru Sdn Bhd; (6) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; (7) Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia; (8) Masjid Negara; (9) Darul Quran; dan (10) Kolej Islam Teknologi Pulau Pinang. Manakala, penelitian dokumen pula melibatkan penelitian ke atas laman web rasmi organisasi serta laporan tahunan dan buletin bulanan organisasi yang bertujuan mengesahkan dapatan kajian yang diperolehi melalui temu bual.

Pemilihan 10 orang pengamal perhubungan awam tersebut adalah kerana pengalaman dan keupayaan mereka dalam memberikan maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai pengaplikasian EKI dalam profesion perhubungan awam. Hal ini kerana, mereka merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti korporat organisasi di samping bertanggungjawab menguruskan hal ehwal media, promosi, menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada khalayak sasaran yang merupakan di antara tugas hakiki sebagai pengamal perhubungan awam. Tambahan lagi, tugas mereka sebagai pengamal perhubungan awam di organisasi berteraskan Islam yang mewajibkan pengaplikasian EKI semasa menjalankan tugas menjadikan mereka sebagai individu yang tepat untuk pengkaji mendapatkan maklumat tentang sejauhmana EKI membantu mereka menjalankan tugas. Temu bual yang dijalankan bersama responden adalah melibatkan temubual separa berstruktur. Data temu bual yang diperolehi daripada responden ditringulasikan dengan data daripada penelitian dokumen yang berkaitan. Kesemua data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisa

menggunakan Analisis Tematik seperti yang disarankan oleh Powell dan Renner (2003).

Hasil dan Perbincangan

Pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam

Dapatan yang dibincangkan adalah meliputi konsep, nilai, faktor dan strategi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam yang diperolehi melalui temu bual mendalam secara bersemuka serta penelitian ke atas dokumen yang berkaitan.

Konsep Etika Kerja Islam (EKI)

Hasil kajian mendapati, terdapat lima konsep EKI yang dipegang oleh responden ketika menjalankan tugas iaitu (1) bekerja berlandaskan syariat agama serta nilai-nilai Islam; (2) bekerja sebagai ibadah; (3) merupakan satu sistem kepercayaan moral yang membantu individu menjalankan tugas dengan sebaiknya; (4) bersifat universal; serta (5) melibatkan jiwa yang baik dan bersih. Hasil kajian mendapati, responden sememangnya memegang konsep bekerja berlandaskan syariat agama serta nilai-nilai Islam ketika menjalankan tugas. Hal ini dapat dilihat apabila responden menjelaskan, sesuatu kerja yang dilakukan seharusnya berlandaskan kepada syariat agama yakni sepertimana yang termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Segala suruhan dan ajaran yang dinyatakan oleh syariat berkaitan dengan etika kerja seharusnya diikuti sepenuhnya tanpa sebarang bantahan kerana ia adalah untuk kebaikan umat sejagat. Responden juga menegaskan, konsep EKI yang dipegang juga adalah memastikan kerja yang dilakukan berlandaskan dan bertepatan dengan nilai-nilai Islam. Ini kerana, nilai-nilai Islam tersebut sememangnya baik dan membawa kebaikan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi kepada masyarakat.

Hasil kajian mendapati, konsep bekerja sebagai ibadah juga merupakan konsep EKI yang dipegang oleh responden ketika menjalankan

tugas. Responden percaya bahawa dengan berniat kerja sebagai ibadah, ia secara tidak langsung akan mengawal segala tindak tanduk dan kelakuan mereka sepanjang menjalankan tugas kerana percaya bahawa mereka sentiasa diperhatikan oleh Allah. Responden juga mempercayai, dengan berniat kerja sebagai ibadah, setiap kerja yang dilakukan akan mendapat keberkatan bukan sahaja di dunia malah di akhirat. EKI merupakan satu sistem kepercayaan moral yang membantu individu menjalankan tugas dengan sebaiknya adalah merujuk kepada EKI dijadikan panduan dan prinsip ketika menjalankan tugas yang membimbing individu untuk melakukan sesuatu perkara dengan betul dan beretika. Hasil kajian mendapati, konsep ini juga dipegang oleh responden ketika menjalankan tugas. Dalam hal ini, EKI dijadikan panduan dalam menjalankan tugas seharian kerana ia dengan jelas dan terperinci menggariskan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang individu tersebut. Responden juga percaya bahawa dengan berpegang kepada EKI, ia akan dapat membantu mereka menjalankan tugas dengan sebaiknya di samping merupakan satu dakwah yang dilakukan secara tidak langsung dan lebih berkesan.

EKI bersifat universal adalah merujuk kepada ia adalah sesuai diaplikasikan oleh segenap lapisan masyarakat tanpa sebarang batasan. Hasil kajian mendapati, konsep ini juga dipegang oleh responden ketika menjalankan tugas. Responden menjelaskan, EKI membawa pelbagai manfaat dan kebaikan kepada sesiapa sahaja yang mengaplikasikannya dan kerana itulah ia amat sesuai untuk diaplikasikan oleh segenap lapisan manusia di dunia. Responden juga menegaskan, EKI bersifat universal yakni bersifat sejagat dan menyeluruh serta sesuai diamalkan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa, budaya, warna kulit dan sebagainya. Melibatkan jiwa yang baik dan bersih adalah merujuk kepada EKI adalah melibatkan amalan-amalan dan perlakuan baik, positif dan beretika yang terhasil daripada dimensi dalaman (rohani) yang bersih dalam diri seseorang individu. Hasil

kajian mendapati, konsep ini juga dipegang oleh responden ketika menjalankan tugas sebagai pengamal perhubungan awam. Hal ini dapat dilihat apabila responden beranggapan bahawa, EKI itu adalah bertitik tolak dari jiwa yang baik dan bersih di mana ia akan menzahirkan segala perbuatan, tingkah laku dan amalan yang positif oleh seseorang individu. Responden menjelaskan, EKI adalah melibatkan segala amalan-amalan mahmudah dan positif yang bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada diri sendiri malah kepada semua pihak. Amalan-amalan dan perlakuan baik tersebut dapat dizahirkan jika seseorang itu mempunyai rohani yang baik dan bersih. Selain itu, majoriti responden juga menegaskan, dimensi dalaman (rohani) seseorang itu akan mempengaruhi sikap dan perlakuannya. Maka, adalah penting untuk menjaga bukan sahaja kesihatan fizikal malahan kesihatan rohani kerana ia akan mempengaruhi sikap dan perlakuan diri.

Di antara kelima-lima konsep tersebut, konsep utama yang dipegang oleh responden ketika menjalankan tugas adalah konsep bekerja sebagai ibadah. Hal ini kerana, responden percaya dengan niat bekerja sebagai ibadah ia dapat memotivasikan diri untuk menjalankan tugas dengan sebaiknya kerana percaya bahawa setiap kerja yang dilakukan sentiasa diperhatikan dan diperhitungkan. Selain itu, dengan memegang konsep bekerja sebagai ibadah juga, responden percaya bahawa setiap kerja yang dilakukan bukan sahaja mendapat habuan dunia (gaji), malahan mendapat pahala dan ganjaran di akhirat nanti.

Nilai-Nilai Etika Kerja Islam

Hasil kajian mendapati, terdapat empat nilai EKI yang diaplikasikan oleh responden ketika menjalankan tugas iaitu nilai kebijaksanaan, keberanian, kesucian diri serta keadilan. Hasil kajian mendapati, responden sememangnya mengamalkan nilai kebijaksanaan ketika menjalankan tugas. Hal ini dapat dilihat apabila responden tahu akan tindakan yang perlu diambil ketika berhadapan dengan sesuatu situasi di

samping tindakan yang diambil tersebut adalah bersandarkan kepada fikiran yang rasional. Responden juga dilihat mengaplikasikan nilai kebijaksanaan dalam menjalankan tugas adalah apabila mereka berupaya dalam membuat sesuatu keputusan dan yakin dengan keputusan yang dilakukan tersebut. Mereka juga mampu berfikir secara rasional sebelum sesuatu keputusan tersebut dibuat tanpa dipengaruhi oleh emosi. Nilai kebijaksanaan yang diaplikasikan oleh responden juga dapat dilihat apabila mereka bijak menyesuaikan diri dengan situasi yang berlaku sama ada ketika berkomunikasi dengan khalayak sasaran, pihak media mahu pun pemegang taruh organisasi yang terlibat. Mereka beranggapan bahawa, pengamal perhubungan awam yang baik haruslah tahu dan bijak menyesuaikan dirinya dalam apa jua keadaan dalam memastikan segala tindakan dan keputusan yang diambil adalah tepat dan tidak mendatangkan masalah di masa hadapan. Selain itu, nilai kebijaksanaan yang diaplikasikan oleh responden juga dapat dilihat apabila mereka melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan tugas mereka dalam memastikan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh organisasi dapat dijalankan dengan sebaiknya. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh responden juga tidak hanya terhad kepada ilmu-ilmu yang berkaitan dengan duniawi sahaja malah juga melibatkan ilmu ukhrawi.

Hasil kajian mendapati, responden dilihat mengaplikasikan nilai keberanian ketika menjalankan tugas. Ini dapat dilihat apabila responden tidak takut untuk menyatakan kebenaran kerana beranggapan bahawa menyatakan kebenaran itu adalah satu kewajipan, dan tiada kompromi dalam hal ini. Mereka juga percaya dengan menyatakan kebenaran, kerja yang dilakukan tersebut akan menjadi mudah di samping dapat mengelakkan berlakunya sebarang konflik di masa hadapan. Responden juga dilihat mengaplikasikan nilai keberanian ketika menjalankan tugas apabila mereka memperlihatkan keberanian dalam mempertahankan tindakan yang diambil jika

tindakan tersebut membawa kebaikan. Dalam erti kata yang lain, responden tidak gentar dan takut kepada tekanan mana-mana pihak jika tindakan yang diambil tersebut jelas membawa kebaikan walaupun ia tidak disukai dan dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu. Hasil kajian mendapati, nilai menjaga kesucian diri juga turut diaplikasikan responden ketika menjalankan tugas. Menjaga kesucian diri dari aspek peribadi/jiwa dapat dilihat apabila responden berupaya menahan diri daripada melakukan perkara yang tidak sepatutnya ketika menjalankan tugas di samping mereka istiqamah dalam melakukan kebaikan. Setiap perkara yang membawa kebaikan akan cuba dilakukan di samping sentiasa berusaha mempertingkatkan peribadi diri dari semasa ke semasa. Hasil kajian juga mendapati, responden mengaplikasikan nilai menjaga kesucian diri dari aspek harta ketika menjalankan tugas. Ini dapat dilihat apabila responden mempunyai prinsip diri dalam mendapatkan sesuatu harta dengan cara yang betul di samping turut mempunyai prinsip diri dalam menolak harta yang tidak bertepatan dengan syarak. Mempunyai prinsip diri dalam mendapatkan sesuatu harta yang betul dapat dilihat apabila responden bersifat amanah dalam menjalankan tugas yang diberikan kerana percaya bahawa kerja yang mereka lakukan haruslah setimpal dengan gaji dan ganjaran yang diberikan oleh organisasi.

Hasil kajian mendapati, nilai keadilan diaplikasikan oleh responden ketika menjalankan tugas. Ini dapat dilihat apabila mereka bersikap adil dalam menjalinkan perhubungan sesama manusia tidak kira apa juga pangkat atau darjat seseorang itu. Tiada istilah pilih kasih, namun melihat semua individu dan kelompok masyarakat itu harus dilayan sama rata kerana beranggapan manusia itu sama sahaja di sisi Allah. Nilai keadilan juga diaplikasikan oleh responden dapat dilihat apabila mereka bersikap adil dalam memberikan sesuatu atau menyerahkan sesuatu kepada individu yang selayaknya. Ini dapat dilihat ketika responden berurusan dengan media di mana mereka bersikap adil dalam memberikan

maklumat dan info yang dikehendaki oleh wartawan tanpa prajudis terhadap mana-mana wartawan. Maklumat dan info yang diberikan adalah sama rata dan tiada istilah pilih media kerana matlamat utama pengamal perhubungan awam adalah menjalin hubungan baik dengan semua media. Di antara keempat-empat nilai tersebut, nilai kebijaksanaan dan kesucian diri merupakan nilai terpenting yang perlu diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam. Nilai kebijaksanaan merupakan nilai yang penting kerana ia melibatkan bidang tugas pengamal perhubungan awam yang menuntut untuk berhubung dan berkomunikasi dengan perlbagai khalayak sasaran. Oleh itu, pengamal perhubungan awam harus bijak dalam menyesuaikan diri dengan sesiapa sahaja dan dalam apa jua keadaan sekalipun kerana pengamal perhubungan awam adalah cerminan kepada organisasi, maka beliau harus bijak membawa dirinya dalam apa jua situasi (Mohd Hamdan 2014).

Nilai kebijaksanaan juga penting untuk diaplikasikan adalah kerana pengamal perhubungan awam merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan. Maka, adalah penting untuk pengamal perhubungan awam bersikap rasional dalam membuat sesuatu keputusan demi kepentingan dan kebaikan semua pihak (Mohd Hamdan, 2014). Hasil kajian mendapati, nilai kesucian diri juga menjadi di antara nilai yang penting untuk diaplikasikan dan dijaga oleh pengamal perhubungan awam. Ini kerana, nilai kesucian diri adalah berkait rapat dengan integriti yang merupakan di antara etika kerja terpenting di dalam profesion perhubungan awam. Menurut Moss dan DeSanto (2011), integriti adalah merujuk kepada pengamal perhubungan awam bersikap jujur dan bertanggungjawab demi kepentingan awam serta memeriksa kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat sebelum menyebarkannya.

Faktor-Faktor Pengaplikasian Etika Kerja Islam

Hasil kajian mendapati, terdapat enam faktor yang mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam iaitu pegangan agama yang mantap, kemahuan diri sendiri, mengambil berat terhadap rawatan rohani, hidup bermasyarakat, bersahabat dengan individu yang baik serta berada di dalam lingkungan persekitaran yang Islamik. Hasil kajian mendapati, pegangan agama yang mantap merupakan di antara faktor utama yang mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Responden menyatakan pendirian mereka bahawa agama mewajibkan manusia untuk beretika selayaknya dalam menjalani kehidupan seharian. Maka, sebagai manusia, adalah menjadi satu kewajipan untuk mematuhi ajaran agama dan tiada kompromi akan hal ini. Responden menjelaskan, sebagai manusia, pengamal perhubungan awam seharusnya tahu bahawa menjadi kewajipan untuk beretika selayaknya kerana ia merupakan suruhan dan tuntutan agama yang jelas dinyatakan di dalam al-Quran dan sunnah nabi.

Hasil kajian mendapati, kemahuan diri sendiri juga merupakan di antara faktor yang mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Dalam hal ini, responden menegaskan, mereka percaya bahawa setiap orang harus beretika dan menjaga akhlak sebaiknya demi kemaslahatan umat manusia. Maka, menjadi tanggungjawab individu untuk memastikan etika kerja dan akhlak sentiasa dijaga. Responden juga menyatakan, setiap individu harus sentiasa mengingatkan diri sendiri untuk menjadi manusia yang baik dari sebelumnya. Jika diri sendiri mempunyai keinginan untuk menjadi insan yang baik, secara tidak langsung aspek etika dalam pekerjaan akan turut dititikberatkan. Hasil kajian mendapati, mengambil berat terhadap rawatan rohani juga merupakan di antara faktor yang mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Ini dapat dilihat apabila responden berusaha untuk menjadi

individu yang lebih baik dari semasa ke semasa di samping mengekalkan sikap baik sedia ada yang ada dalam diri mereka. Sikap responden yang mengambil berat terhadap rawatan rohani dapat dilihat apabila mereka melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kerohanian dalam usaha mengubah dan mendidik diri mereka menjadi insan yang lebih baik seperti mempertingkatkan amal ibadat serta mengikuti ceramah-ceramah atau bengkel-bengkel berunsur kerohanian.

Hasil kajian mendapati, tuntutan hidup bermasyarakat yang dijalani oleh responden juga menjadi faktor pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Responden menegaskan, mereka mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat di mana masyarakat berhak menerima layanan yang baik menerusi sikap dan perilaku mereka. Maka, mereka perlu menjaga etika dan akhlak diri kerana kehidupan bermasyarakat menuntut pelbagai nilai-nilai murni yang baik dan beretika seperti hormat-menghormati, kejujuran, kebenaran, ketulusan dan saling memahami. Responden juga menjelaskan, mereka perlu telus dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat kerana ia boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Hasil kajian mendapati, bersahabat dengan orang yang baik juga menjadi faktor penyebab pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Responden menjelaskan, sahabat yang baik sentiasa memotivasikan dan mempengaruhi mereka untuk melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan. Dalam konteks ketika menjalankan tugas, responden menjelaskan, mereka beruntung dapat bekerja di organisasi berteraskan Islam di mana mereka berpeluang untuk mengenali dan bersahabat dengan individu yang baik. Sahabat mereka yang juga merupakan rakan sepejabat banyak mempengaruhi mereka untuk mengaplikasikan EKI apabila sering mengingatkan, menasihati malah menunjukkan contoh tauladan yang baik sama ada melalui pertuturan dan perlakuan akan kewajipan menjaga etika kerja sepertimana yang digariskan oleh agama.

Hasil kajian mendapati, berada di dalam lingkungan persekitaran yang islamik juga boleh mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Persekitaran yang islamik adalah merujuk kepada dua perkara iaitu suasana tempat kerja serta tugas dan peranan yang digalas. Dalam konteks suasana tempat kerja, responden menjelaskan, disebabkan mereka bekerja di organisasi berteraskan Islam yang sememangnya mewajibkan pengaplikasian EKI, ia secara tidak langsung memotivasikan mereka serta mempengaruhi mereka untuk mengaplikasikan EKI. Hal ini bukan sahaja kerana ia merupakan satu tuntutan dan tekanan daripada organisasi, tetapi ia lebih kepada kesedaran diri mereka sendiri yang menyedari EKI mempunyai pelbagai manfaat dan keistimewannya. Disebabkan pengalaman mereka yang pernah bekerja di organisasi yang bersifat konvensional dan kurang menitikberatkan soal kewajipan menjaga etika kerja, mereka dapat melihat dan merasai sendiri perbezaan yang ketara apabila berpindah di organisasi berteraskan Islam. Etika kerja yang dahulunya kurang diitikberatkan, telah menjadi satu kewajipan untuk dipatuhi dan dipandang serius apabila mereka mula bertugas di organisasi berteraskan Islam. Di antara keenam-enam faktor tersebut, faktor berada dalam lingkungan persekitaran yang islamik merupakan di antara faktor terpenting yang mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh pengamal perhubungan awam. Pengalaman lampau responden yang pernah bekerja di organisasi bukan berteraskan Islam yang kurang menitikberatkan aspek agama dan etika menyebabkan mereka bermotivasi untuk mengaplikasikan EKI kerana melihat akan kebaikan dan keistimewaan apabila mengaplikasikannya.

Selain itu, dorongan dan peraturan organisasi yang mewajibkan pengaplikasian EKI oleh kakitangan menambahkan minat dan kemahuan responden untuk mengaplikasikan EKI. Pelbagai cara dilakukan oleh organisasi dalam usaha memastikan kakitangannya mengaplikasikan EKI seperti melakukan amalan-amalan agama

secara berkumpulan, memberi penghargaan dalam bentuk pujian atau material sertaewartakan secara rasmi kod EKI untuk dijadikan panduan oleh semua warga organisasi. Menurut Muhammad Mustakim et. al (2015), tuntutan dan galakkan daripada organisasi merupakan di antara faktor yang boleh mempengaruhi pengaplikasian EKI oleh para pekerja. Organisasi yang mementingkan dan mewajibkan pengaplikasian EKI oleh pekerja akan dapat menggalakkan dan mendorong pekerja untuk mengaplikasikan EKI walaupun diawalnya mungkin dilakukan kerana terpaksa, namun akhirnya ia akan menjadi kebiasaan bagi pekerja tersebut.

Strategi-Strategi Pengaplikasian Etika Kerja Islam

Hasil kajian mendapati, terdapat dua strategi pengaplikasian EKI yang digunakan oleh responden dalam mempraktikkan EKI ketika menjalankan tugas iaitu usaha berterusan diri sendiri serta pembelajaran daripada persekitaran. Hasil kajian mendapati, usaha berterusan diri sendiri merupakan diantara strategi paling berkesan dalam mempraktikkan EKI. Responden menjelaskan, diri mereka sendiri sememangnya mempunyai kemahuan yang bersungguh-sungguh dalam melatih diri menjadi individu yang beretika. Pelbagai latihan bersifat kerohanian yang dilakukan dalam mendidik diri mereka menjadi individu yang beretika seperti menghadiri kelas agama demi memperbaiki diri menjadi insan yang baik, menghadiri majlis ilmu demi meningkatkan ilmu pengetahuan serta berpuasa sunat dalam usaha mendidik diri mengenai erti syukur dan sabar. Hasil kajian juga mendapati, pembelajaran daripada persekitaran merupakan strategi yang boleh diguna pakai dalam mempraktikkan EKI. Responden menjelaskan, mereka belajar daripada pengetahuan dan pengalaman individu di sekeliling mereka dalam usaha menjadikan mereka individu yang menjaga etika dalam setiap kerja yang dilakukan. Segala etika baik yang ditonjolkan akan diikuti manakala segala perlakuan yang melanggar etika akan dijauhi.

Di antara etika kerja baik yang menjadi ikutan responden hasil pemerhatian dan pembelajaran daripada individu disekeliling mereka adalah seperti sentiasa mengukir senyuman, bercakap dengan nada yang rendah dan bersopan, bersabar dalam melayan kerenah manusia, bertenang dalam menghadapi masalah serta sentiasa bercakap benar dalam apa jua situasi. Di antara kedua-dua strategi tersebut, usaha berterusan diri sendiri merupakan strategi yang paling terbaik dalam usaha pengamal perhubungan awam untuk mengaplikasikan EKI. Ini kerana, EKI adalah bertitik tolak dari jiwa dan rohani yang bersih yang menuntut individu sentiasa berusaha menjadi individu yang baik secara berterusan (Miskawayh, 2014). Di samping itu, seseorang itu adalah bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dan apa yang dikerjakan, maka hendaklah individu tersebut melakukan amar makruf dan nahi mungkar (Haron Din, 2008).

Pengaruh Etika Kerja Islam dalam Amalan Perhubungan Awam

Hasil kajian mendapati, EKI memberikan pengaruh positif ke atas amalan perhubungan awam dari sudut profesionalisme, motivasi diri, kualiti kerja serta integriti. Dari sudut profesionalisma, EKI membantu responden meningkatkan profesionalisme mereka sebagai pengamal perhubungan awam. Peningkatan profesionalisme yang dimaksudkan adalah melibatkan kemampuan dan kemahiran mereka dalam melakukan kerja-kerja berkaitan perhubungan awam merangkumi kemahiran berkomunikasi secara efektif serta keupayaan berhubung secara profesional. Responden menjelaskan, EKI meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka secara efektif apabila memberikan garis panduan yang teratur dan jelas mengenai hal tersebut. Contohnya, EKI telah menggariskan nilai kebenaran dan kejelasan dalam setiap komunikasi yang berlaku kerana di dalam Islam, menyatakan kebenaran itu adalah merupakan satu kewajipan walaupun hakikat kebenaran tersebut adalah pahit dan susah untuk diterima. Apabila diberikan garis panduan yang jelas seperti itu, responden sedia maklum akan

tuntutan kewajipan untuk memastikan setiap komunikasi yang berlaku tersebut adalah benar semata-mata tanpa sebarang unsur penipuan. Maka, tiada lagi kompromi dalam hal menyatakan kebenaran melibatkan segala urusan komunikasi yang dijalankan.

Manakala, dapatan kajian dari segi EKI meningkatkan keupayaan responden dalam berhubung secara profesional pula dapat dilihat apabila EKI menetapkan had batasan dalam setiap perhubungan yang berlaku. Had batasan tersebut diterangkan secara jelas dan terperinci di dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Responden memberikan contoh perhubungan di antara lelaki dan perempuan dalam mengadakan sebarang urusan di mana terdapat had batasan tertentu seperti tidak boleh bersalaman serta tidak boleh berdua-duaan ketika melakukan urusan di tempat yang tidak sepatutnya sehingga menimbulkan fitnah. Had batasan yang ditetapkan tersebut jelas memberikan manfaat kerana ia dapat memelihara maruah diri serta mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku di masa hadapan. Pengaruh positif EKI dari sudut profesionalisme juga dapat dilihat apabila EKI menjadikan pengamal perhubungan awam sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada mereka. EKI yang mementingkan nilai kebijaksanaan menuntut pengamal perhubungan awam berfikir secara rasional di samping dapat membuat keputusan dengan tepat dan bijak. Menurut Jamilah (2010), pengamal perhubungan awam perlu sentiasa mempertingkatkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan skill yang berkaitan dalam usaha menjadikan mereka seorang pengamal perhubungan awam yang baik.

Hasil kajian mendapati, EKI mempengaruhi amalan perhubungan awam dari sudut motivasi diri di mana mereka lebih bersemangat dan berkeyakinan dalam menjalankan tugas. EKI menuntut pengamalan nilai-nilai baik dan positif yang sudah semestinya memberikan manfaat dan kebaikan kepada sesiapa sahaja yang mengaplikasikannya. Sebagai contoh, responden menyatakan bahawa konsep ihsan

di dalam EKI memotivasikan mereka untuk melakukan setiap tugas yang diperintahkan secara jujur dan amanah kerana mereka percaya bahawa setiap apa yang mereka lakukan akan dilihat oleh Allah. Mereka juga percaya, jika menjalankan tugas yang diamanahkan secara beretika, mereka bukan sahaja akan mendapat ganjaran di dunia malah di akhirat kelak. Hasil kajian mendapati, EKI juga mempengaruhi amalan perhubungan awam dari aspek kualiti kerja di mana kerja yang diamanahkan dapat diselesaikan dengan terbaik dan memenuhi jangkaan organisasi. EKI yang mementingkan nilai seperti bersungguh-sungguh, elakkan pembaziran serta menepati masa mendorong responden menyiapkan tugas mengikut kebolehan terbaik yang ada pada diri sendiri serta mengelakkan diri dari terlibat dengan aktiviti yang boleh menjejaskan kualiti kerja. Menurut Nor Hartini (2013), kualiti kerja seseorang individu itu berkait rapat dengan akhlak dan etikanya ketika menyelesaikan tugas yang diberikan. Jika seseorang itu berpegang kepada nilai-nilai Islam yang sepatutnya ketika menjalankan tugas, kerja yang dilakukan pasti akan dapat memenuhi jangkaan yang sepatutnya di samping kerja tersebut menjadi lebih berkualiti.

Hasil kajian mendapati, EKI juga mempengaruhi amalan perhubungan awam dari aspek integriti di mana responden sentiasa memastikan kerja yang dilakukan adalah benar dan telus tanpa sebarang unsur penipuan. Responden percaya bahawa Islam itu bertitik tolak dengan kebenaran di mana tiada istilah tipu sunat dibenarkan. EKI menjadikan responden lebih berintegriti adalah kerana ia berkait rapat dengan soal keberkatan dan ketenangan hidup. Tambahan lagi, integriti merupakan di antara etika kerja penting yang perlu dipegang oleh pengamal perhubungan awam kerana kepercayaan dan keyakinan khalayak adalah bertitik tolak kepada sejauhmana tahap integriti seorang pengamal perhubungan awam tersebut (Argenti, 2014; Moss dan DeSanto, 2011).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam yang terpilih di Malaysia dilihat mengaplikasikan EKI semasa menjalankan tugas. EKI yang diaplikasikan adalah bertepatan dengan konsep dan idea EKI yang dibincangkan oleh para tokoh dan sarjana terkemuka EKI. Nilai-nilai EKI yang diaplikasikan seperti amanah, jujur, berhikmah, telus, tepat, menepati masa dan banyak lagi adalah terangkum di dalam empat nilai EKI yang dinyatakan oleh Miskawayh yang merupakan Bapa Etika Kerja Islam yang tersohor iaitu nilai kebijaksanaan, keadilan, keberanian dan kesucian diri. Namun, di antara keempat-empat nilai tersebut, ternyata nilai kebijaksanaan dan kesucian diri merupakan nilai yang penting dan wajib diaplikasikan dalam profesion ini. Selain itu, kajian ini membuktikan, pengaruh dan tekanan organisasi menjadi faktor utama yang mendorong dan memotivasikan pengamal perhubungan awam untuk mengaplikasikan EKI. Organisasi yang menjalankan operasi yang bertepatan dengan Maqasid Shariah akan menimbulkan minat dan semangat untuk pengamal perhubungan awam menjalankan tugas mereka dengan beretika. Berdasarkan pengaruh positif serta kesesuaian EKI dalam membantu pengamal perhubungan awam menjalankan tugas secara beretika, disarankan agar para pengamal perhubungan awam yang lain turut mengaplikasikan EKI semasa menjalankan tugas. Ini kerana, EKI adalah bersesuaian dengan segenap lapisan manusia tanpa batasan agama, warna kulit, geografi, bangsa mahu pun budaya.

Rujukan

Adi Satria, A. (2014, November 15). Hala tuju perhubungan awam strategik. Utusan Malaysia Online. Diambil daripada <http://m.utusan.com.my/bisnes/korporat/hala-tuju-perhubungan-awam-strategik-1.24722>

Al-A'ali, M. (2008). Computer Ethics for the Computer Professional from an Islamic Point of

View. *Journal of Information, Communication & Ethics in Society*, 6(1):28-45.

Al-Ghazali, I. A. H. M. (1997). *Tahzib Ihya' Ulum al-Din*. Dar Tibaah wa al- Nasr al-Islamiah. Kaherah.

Ali, A. (2005). *Islamic Perspective on Management and Organization*. Edward Elgar, Northampton, Massachusetts, USA.

Ali, A. (1992). The Islamic Work Ethic in Arabia. *Journal of Psychology*, 126(5), 507-519.

Ali, A. J., & Al-Kazemi, A. A. (2007). Islamic Work Ethic in Kuwait. *Cross Cultural Management: An International Journal*, 14(2): 93-104.

Argenti, P. (2014). Best practices in ethics communication. 2014 Ethics communications best practices report.

Azharsyah, I., & Nor 'Azzah, K. (2013). Measuring the Islamic Work Ethics: An Alternative Approach. Dlm. *Islamic Perspective on Management: Contemporary Issue* oleh Nor 'Azzah, K. Azian, M., and Suhaili, S. (Eds), 135-16. Kuala Lumpur: YaPEIM Management Academy.

Bashir, A. (1998). Ethical Norms and Enforcement Mechanism in Profit-sharing Arrangements. *Mid-Atlantic Journal of Business* 4(3), 255-271.

Grunig, J.E. (2014). Ethics Problems and Theories in Public Relations. *RICSP*, (11), 115-28.

Haron Din. (2008). *Islam Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.

Harrison, K., & Galloway, C. (2005). Public relations ethics: A simpler (but not simplistic) approach to the complexities. *Prism 3*. Diambil

dari http://www.prismjournal.org/fileadmin/Praxis/Files/Journal_Files/Issue3/Harrison_Galloway.pdf

Institut Perhubungan Raya Malaysia. (2014). Kod etika tingkah laku IPRM. Diambil daripada <http://iprm.org.my/>

Jaffri Amin, O. (2014, April 14). Kerjaya PR. Utusan Malaysia Online. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kampus/20140414/ka_03/Kerjaya-PR

Jamilah, A. (2010, Oktober 1). Cabaran pengamal perhubungan awam. *Dewan Masyarakat*, 48(10), 30-31.

Kumar, N. dan Raduan, C.R. (2010). Examining the link between Islamic Work Ethic and innovation capability. *Journal of Management Development*, 29(1) 79-93.

McKinnon, L.M., & Fullerton, J.A. (2014). Public Relations Students' Ethics: An Examination of Attitude and Intended Behaviors. MONOGRAPH 90 SUMMER 2014, 1-4.

Miskawayh. (2014). *The Refinement of Character: Tahdhaib Al-Akhlaaq* (Paperback). United States: Kazi Publication.

Mohd Hamdan, A. (2014). Transformasi pengamal perhubungan raya dalam abad 21 demi mengubah cabaran menjadi peluang. Diambil daripada <http://iprm.org.my/articles-2/>.

Mohd Hamdan, A. (2010, November 29). Lesenkan profesion PR, elak salahguna. *Bernamea*. Diambil daripada <http://www.malaysiakini.com/news/149531>

Moss, D., & DeSanto, B. (2011). *Public Relations: A managerial perspective*. California: Sage Publications Ltd.

Muhammad Mustakim, M.N., Siti Arni, B., Lukhman, T., & Musaiyadah, A. (2015). *Kajian Kes Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di*

- Johor Corporation (JCorp): Tumpuan kepada Pelaksanaan dan Faedahnya. *Jurnal Pengurusan* 45, 105 - 118.
- Muhammad Mustakim, M.N., Siti Arni, B., & Wan Norhasniah, W.H. (2014). Strategi dan Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian Kes di JCorp. *GJAT*, 4(1), 97-111.
- Muhammad Yousuf, K.M., Arshad, M.S., Hafiz, M.F.Z. & Muhammad, I.R. (2012). The Impact of Islamic Work Ethics on Job Satisfaction and Organizational Commitment: A Study of Agriculture Sector of Pakistan. *International Journal of Business and Behavioral Sciences*, 2(12), 32-45.
- Nor Hartini, S. (2013). Suburkan hidup dengan budaya kerja cemerlang. Diambil daripada <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7492-suburkan-hidup-dengan-budaya-kerja-cemerlang>
- Nur Hamim. (2014). Pendidikan akhlak: komparasi konsep pendidikan Miskawaih dan Al-Ghazali. *Jurnal Studi Keislaman*, 18(1), 21-40.
- Powell, E.L., & Renner, M. (2003). *Analyzing Qualitative Data*. University of Wisconsin-Extension: Cooperative Extension Publishing Operations.
- Rizk, R.R. (2008). Back to basics: An Islamic perspective on business and work Ethics. *Social Responsibility Journal*, 1(2), 246-254.
- Rosli, M. (2001). *Amalan Komunikasi Dalam Pengurusan Organisasi*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Sari, S.D. & Icut, R.B. (2008). Analisis pengaruh Etika Kerja Islam terhadap sikap karyawan bagian akuntansi dalam perubahan organisasi: Studi kasus pada bank umum non syariah di wilayah Eks Karesidenan Jawa Tengah. *JAAI*, 12(1), 65-78.
- Siti Norlina, M., Mohd Nasir, R., & Mohd Dani, M. (2004). Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh. In: *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Wahibur, R. (2010). The effect of Islamic Work Ethics on work outcomes. *Electronic Journal of Business Ethics and Organization Studies*, 15(1), 21-28.
- Yousef D. A. (2000). Organizational commitment as a mediator of the relationship between Islamic work ethic and attitudes toward organizational change. *Human Relations*, 53(4), 513-537.
- Zainal, A. (2014). Konsep pendidikan karakter Islam menurut Ibnu Miskawaih dan Implikasinya bagi pendidikan karakter di Indonesia. *TAPIS*, 14(2).